

05/05/1997

Mahathir kekal terajui Kubang Pasu

JITRA, Ahad - Ahli Umno Bahagian Kubang Pasu diminta terus memberi sokongan jitu kepada Ketua Bahagian, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

Ketua Penerangan Umno Bahagian, Prof Madya Dr Mohd Yusof Hassan, berkata kegigihan serta kesungguhan Perdana Menteri memajukan negara sangat membanggakan dan perlu terus diberi sokongan.

Beliau berkata, kejayaan negara sekarang adalah hasil kesungguhan Perdana Menteri dan sehubungan itu, setiap ahli Umno perlu memberi sokongan berterusan supaya lebih banyak kemajuan dicapai negara ini.

Menurutnya, Koridor Raya Multimedia (MSC), Kuala Lumpur City Center (KLCC) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) adalah antara usaha gigih Dr Mahathir yang bakal mengharumkan lagi nama Malaysia.

"Penduduk negara ini amat bertuah kerana mempunyai pemimpin yang bercita-cita tinggi dan berwibawa sehingga kepimpinannya diiktiraf di peringkat antarabangsa," katanya ketika merasmikan mesyuarat agung tahunan Umno cawangan Jitra, di Sekolah Kebangsaan Jitra, di sini semalam.

Dr Mahathir serta Datin Seri Dr Asmah Mohd Ali dan bekas Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Osman Aroff adalah ahli Umno cawangan itu.

(END)